

**PERKEMBANGAN SOSIO-PSIKOLOGI DAN AKHLAK  
REMAJA MELAYU (FELDA): SATU KAJIAN PRELIMINARI**

Badlihisham Mohd Nasir

*Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia*

Rozmi Ismail

*Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan, Universiti Kebangsaan  
Malaysia*

Syarul Azman Shaharuddin

Mohd Musa Sarip

Ahmad Faqih bin Ibrahim

*Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*

**ABSTRACT**

*The purpose of this study is to examine the relationship between self concept and coping strategy on student's perception towards Islamic teaching values. This study predicted that those who have high score on self esteem and good coping strategy will tend to perceived Islamic moral values as important and applied Islam in their daily life. This preliminary study involved 60 students (age between 14-17 years) from several schools in the Felda settlement. The results of this study revealed that majority of students have low self esteem and less coping strategy. Their perception and understanding towards Islamic teaching also low. Those students from Islamic background family significantly better in coping style. Age and gender of have no significant effect on the variables measured. The implication of this study on perception towards Islamic teaching values also discussed.*

**PENDAHULUAN**

Remaja adalah aset kepada sesebuah negara. Pembangunan sesebuah negara banyak bergantung kepada kualiti dan produktiviti remajanya. Dalam membangunkan generasi remaja yang berkualiti dan produktif banyak perkara yang harus dititikberatkan. Antara aspek penting yang

harus diberi perhatian adalah pembangunan sosio-ekonomi dan akhlak golongan remaja.

Remaja adalah satu tempoh peralihan di antara zaman kanak-kanak dan dewasa. Tempoh ini mewakili suatu tempoh masa yang mana seseorang individu terpaksa berdepan dengan banyak perubahan-perubahan serta transformasi biologi yang seterusnya menyumbang kepada perubahan dan tribulasi emosi (Benjamin 1998). Menurut Majid dan Rahill (1997), remaja merupakan satu zaman yang bermula dari baligh dan berakhir apabila seseorang itu menjadi dewasa. Pelbagai pancaroba yang berlaku di zaman remaja ini.

Menurut Pong Ying dan Ragbir (1998) pula, peringkat remaja adalah bermula dari umur 12-18 tahun. Pada peringkat ini kanak-kanak akan mencapai tahap kematangan akil baligh dan menyedari tentang perubahan bentuk badan mereka. Mereka akan menerima perubahan fizikal mereka dan menggunakannya dengan cara yang paling berkesan. Organisasi Kesihatan Kebangsaan (WHO) meletakkan individu berusia di antara 10 hingga 20 tahun sebagai remaja (Emerson 2005). Definisi usia golongan remaja adalah pelbagai. Walau bagaimanapun definisi-definisi tersebut meletakkan definisi usia remaja dalam lingkungan 10 hingga 20 tahun.

Di usia remaja, individu terpaksa berdepan dan menangani pelbagai isu. Perubahan kematangan biologi meningkatkan kecenderungan remaja untuk bereksperimentasi dengan penyalahgunaan dadah dan alkohol. Dalam sesetengah keadaan, masalah-masalah kronik seperti skizofrenia, kecelaruan pemakanan dan kemurungan juga boleh berlaku di kalangan remaja.

Selari dengan keperluan negara dalam membangunkan generasi remaja yang berkualiti dan produktif serta keadaan remaja yang terbuka kepada begitu banyak perubahan serta transformasi biologi yang seterusnya menyumbang kepada perubahan dan tribulasi emosi, kajian ini ingin mengkaji bentuk sosio-psikologi para remaja khususnya

remaja di bawah tanah rancangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA). Para remaja FELDA sering ditanggapi dengan kes-kes jenayah dan kemerosotan nilai dan akhlak. Kes-kes yang dikemukakan di media massa banyak memaparkan tentang jenayah dan salah laku di kalangan remaja FELDA. Kajian ini ingin melihat sejauhmana kebenaran dan kesahihan tanggapan dan persepsi umum ini.

Melihat kepada senario masa kini, keadaan semasa di masa depan semakin tidak menentu. Namun begitu, ini bukan menjadi suatu alasan yang kukuh untuk kita sebagai umat Islam menjadi lemah dan terus mundur. Umat Islam perlu bangkit dan terus berusaha membangunkan kekuatan diri dan masyarakat secara proaktif melalui keimanan, akhlak, keilmuan dan kepakaran. Semua kekuatan ini amat memerlukan kepada satu sistem dan psiko-sosial masyarakat yang dinamik berasaskan akhlak luhur serta kemanusiaan yang berasaskan agama Islam. Kehebatan masyarakat silam dalam membangunkan sebuah tamadun berasaskan kepada gagasan asas yang mantap sehingga mampu membina masyarakat yang kukuh di atas landasan syariat. Hasilnya semua aspek pembangunan termasuk kekuatan ekonomi dapat digerakkan secara berterusan. Psiko-sosial yang sihat serta kemantapan akhlak akan terlaksana penyusunan hidup berlandaskan syariat. Peranan psiko-sosial dan akhlak murni perlu dihayati serta diamalkan sepenuhnya oleh masyarakat khususnya anak peneroka agar mereka tidak lagi dilabelkan sebagai murid yang sering dikaitkan dengan masalah sosial serta kemunduran daripada aspek pendidikan. Sehubungan dengan itu, kajian ini menyelusuri perkembangan sosio-psikologi serta akhlak remaja Melayu FELDA.

## **1. LATAR BELAKANG MASALAH**

Pelajar luar bandar khususnya datang dari FELDA sering dikaitkan dengan masalah rendahnya tahap kecemerlangan akademik dan juga

antara paling ramai terjebak dalam gejala sosial. Masalah kecemerlangan dalam akademik sering dikaitkan dengan aspek sosio-psikologi, sosioekonomi dan perkembangan akhlak seseorang pelajar. Pelajar yang cemerlang biasanya mempunyai tahap perkembangan diri yang mantap iaitu tinggi penghargaan diri, rapat dengan Penciptanya dan pengaruh luar yang sering membina seperti ibubapa, rakan sebaya dan persekitaran hidup yang positif.

Bagi pelajar yang lemah keadaan yang sebaliknya biasa wujud. Kajian ini merungkai beberapa permasalahan yang melihat perbezaan daripada aspek kebahagiaan di antara sebuah keluarga dengan keluarga yang lain. Kajian ini juga dibina berdasarkan dapatan-dapatan kajian lepas yang telah mengenalpasti empat set faktor-faktor yang mempengaruhi kesejahteraan keluarga. Antara faktor-faktor yang dilihat iaitu permasalahan hidup seharian, nilai akhlak, persekitaran sosial yang kompleks dan pengaruh media.

Bertolak daripada permasalahan di atas kajian akan memberi tumpuan kepada dua aspek utama iaitu cuba meneliti aspek sosio-psikologi dan perkembangan akhlak remaja yang berada di kawasan peneroka FELDA. Hasil kajian ini nanti diharap dapat memberi data bermakna ke arah pembentukan dasar yang berguna kepada pihak-pihak terbabit.

## 2. PERSOALAN KAJIAN

1. Adakah keadaan sosio-psikologi murid-murid Melayu luar bandar seperti *resilien*, tahap penghargaan diri mempunyai kaitan dengan prestasi akademik?
2. Apakah pandangan murid tentang **nilai dan akhlak murid** seperti keikhlasan menjalankan tugas, kepercayaan kepada Allah, kehidupan bermasyarakat, kesedaran sosial, etika kehidupan, konsep salah benar?

3. Adakah **faktor-faktor lain** seperti media massa dan ICT yang mempengaruhi sosio-psikologi pelajar-pelajar Melayu dalam menghadapi era globalisasi?

### 3. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

- i. **Mengkaji keadaan sosio-psikologi** murid-murid Melayu luar bandar seperti resilien, tahap penghargaan diri dan kaitannya dengan prestasi akademik.
- ii. **Mengkaji nilai dan akhlak murid** seperti keikhlasan menjalankan tugas, kepercayaan kepada Allah, kehidupan masyarakat, kesedaran sosial, etika kehidupan, konsep salah benar dan pandangan tentang keseronokan hidup.
- iii. **Mengenal pasti faktor-faktor lain** seperti media massa dan ICT yang boleh mempengaruhi perkembangan sosio-psikologi pelajar-pelajar Melayu dalam menghadapi era globalisasi.

### 4. KEPENTINGAN KAJIAN

Dapatan kajian yang akan diperolehi boleh dijadikan panduan atau asas untuk memahami faktor-faktor yang menyumbang kepada permasalahan pelajar remaja di penempatan FELDA. Dapatan kajian ini juga akan membantu pihak yang terbabit untuk merancang strategi dan program untuk remaja Melayu di FELDA.

### 5. TINJAUAN LITERATUR

Kajian terdahulu kebanyakannya mendapati gaya kepimpinan authoritarian dan autoritatif ibu dan bapa mempengaruhi konsep kendiri dan pencapaian akademik golongan remaja. Hubungan antara konsep kendiri dengan pencapaian akademik golongan remaja didapati

bersyarat kepada gaya kepimpinan permisif ibu bapa. Azizi Yahya (2005) dalam kajiannya yang memperbincangkan hubungan antara gaya keibubapaan, motivasi dan konsep kendiri akademik dengan pencapaian pelajar dalam pembelajaran. Kajian ini juga untuk mengenal pasti gaya keibubapaan ibu bapa pelajar dalam membentuk personaliti pelajar.

Manakala, menurut Mohd Najib bin Abdul Ghafar di dalam kajiannya yang bertajuk *Konsep Kendiri Pelajar: Kajian di Sekolah Menengah Sekitar Bandaraya Kuching, Sarawak* di mana ia melihat tahap konsep kendiri pelajar (kendiri fizikal, kendiri peribadi, kendiri identiti, kendiri keluarga, kendiri sosial, kendiri kepuasan diri, kendiri akhlak/moral dan kendiri tingkah laku) dan perbezaan konsep kendiri mereka berdasarkan data demografi (jantina, bangsa, lokasi tempat tinggal, pekerjaan bapa dan bilangan adik-beradik).

Seterusnya, berdasarkan kajian yang bertajuk *Keruntuhan Akhlak dan Gejala Sosial dalam Keluarga : Isu dan Cabaran* melihat isu-isu keruntuhan akhlak dan gejala sosial yang terdiri daripada pengaruh budaya barat iaitu budaya *skinhead*, budaya punk dan budaya *black metal*; isu kemaksiatan, penagihan dadah, pembuangan bayi, mat rempit serta vandalisme yang berlaku dalam keluarga di Malaysia. Dalam kajian ini juga ia melihat punca dan kesan masalah gejala sosial ini dalam keluarga secara khususnya, dan masyarakat secara amnya.

Kajian seterusnya, di dalam karya *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Remaja Terlibat dalam Masalah Sosial di Sekolah Tunas Bakti ,Sungai Lereh, Melaka* dimana ia hasil kajian Othman Md Johan dan Norazman Mohamad Roslan yang cuba untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi remaja dalam berlakunya masalah gejala sosial. Kajian ini juga melihat samaada faktor rakan sebaya, keluarga, media masa, dan persekitaran terlibat secara lansung dalam menyumbang terjadinya masalah gejala sosial terhadap remaja.

Terdapat banyak faktor mempengaruhi sosio-psikologi dan akhlak remaja dan di antaranya adalah pengaruh media massa. Daripada suatu sudut, media massa banyak memberi sumbangan positif berbentuk informasi, mempromosikan idea-idea serta kreativiti-kreativiti baru serta membangunkan pemikiran masyarakat. Namun pada masa yang sama pengaruh media juga tidak lari daripada memberikan impak negatif terutamanya terhadap para remaja yang sedang berhadapan dengan keadaan emosi yang kurang selamat (*emotional insecurity*).

Achtenberg (2009) mengkaji akan pengaruh media massa terhadap persepsi imej kendiri dan imej bentuk tubuh remaja. Kajian yang dijalankan terhadap para remaja di kalangan populasi remaja Amerika ini mendapati bahawa terdapat perkaitan yang signifikan antara pengaruh media massa terhadap imej kendiri dan imej bentuk tubuh yang negatif di kalangan remaja. Tindakan media yang memaparkan model-model dengan bentuk badan terlalu kurus serta tidak realistik menyebabkan para remaja percaya bahawa bentuk tubuh tersebut adalah bentuk tubuh yang normal dan paling ideal. Imej tidak realistik ini menyebabkan para remaja berusaha dengan cara yang tidak sihat untuk mendapatkan bentuk tubuh tersebut.

Keadaan ini adalah sesuatu yang tidak wajar bagi remaja yang memerlukan penjagaan diri serta pemakanan terbaik sepanjang proses perkembangan mereka. Malah sesetengah keadaan menjadi lebih buruk apabila para remaja mula mengambil pil-pil diet serta mengamalkan cara senaman yang tidak sihat bagi memperoleh bentuk badan seperti yang giat dipaparkan oleh media-media massa.

Lloyd (2000) pula mengkaji pengaruh video muzik di kalangan para remaja di 495 orang pelajar sekolah menengah di Pennsylvania telah mendapati bahawa pengaruh video muzik adalah lebih tinggi di kalangan para remaja lelaki berbanding remaja perempuan.

Selain media massa serta video muzik, internet juga banyak memberi impak dan pengaruh negatif yang mempengaruhi corak sosio-

psikologi dan akhlak remaja. Penggunaan internet dewasa ini meningkat dengan mendadak bukan sahaja di kalangan remaja malah di kalangan pengguna dewasa juga. Lebih daripada 80% remaja Amerika dalam lingkungan usia 12 hingga 17 tahun menggunakan internet dan hampir separuh daripada mereka menggunakan setiap hari (Lenhart, Madden & Hitlin 2005).

Peranan internet terhadap pelbagai aspek kehidupan individu sebagai medium untuk bersosial, memperoleh maklumat, pendidikan, hiburan dan sebagainya meningkat secara dramatik. Kebanyakan remaja dilaporkan lebih gemar melayari internet berbanding bentuk-bentuk media dan alat komunikasi yang lain seperti telefon, televisyen dan radio (Louge 2006). Meskipun tidak dinafikan internet banyak memberi pengaruh positif terhadap gaya kehidupan moden masa kini, ia turut membawa beberapa isu negatif yang berupaya menjelaskan kefungsian dan kesejahteraan masyarakat misalnya isu yang melibatkan hak privasi individu, keselamatan, pornografi serta jenayah internet (Greenfield & Yan 2006). 85% ibu bapa menyatakan bahawa internet meletakkan risiko yang paling tinggi terhadap anak mereka jika dibandingkan dengan semua bentuk media yang lain (Common Sense Media, 2006).

## **6. METODOLOGI KAJIAN**

Bahagian ini akan menerangkan tentang metode kajian yang dijalankan. Ia merangkumi metode kajian, lokasi kajian dijalankan, pemilihan sampel, prosedur kajian dalam pengumpulan data, pengukuran pembolehubah dan juga penerangan secara lebih terperinci tentang pendekatan analisis data yang digunakan dalam kajian.

### **6.1. Lokasi Kajian**

Kajian akan dijalankan di tiga buah kawasan peneroka FELDA iaitu FELDA Sungai Tengi, FELDA Soeharto dan FELDA Sungai Buaya.

## **6.2. Sampel Kajian**

### i) Kaedah survey (Soal-selidik)

Kajian ini melibatkan 51 orang pelajar Tingkatan Empat kerana mereka ini tidak terlibat dalam peperiksaan besar. Pemilihan sekolah dan sampel kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah *random sampling* (Babbie 1986 dan Burns 2000).

### ii) Temubual mendalam

Seramai 30 orang guru (pendidikan Islam, kaunselor dan guru disiplin) dari tiga buah sekolah menengah di penempatan peneroka dipilih. Bagi sampel pelajar 5 pelajar dipilih oleh penyelidik dari setiap sekolah yang telah terpilih. Selain itu, seramai 5 orang pengaga di satu-satu kawasan FELDA dipilih secara rawak untuk kajian ini.

## **6.3. Prosedur Kajian**

Kajian ini adalah satu kajian berbentuk metod-campuran (*mix-method*) yang melibatkan metode kuantitatif dan kualitatif. Kajian ini menggunakan kaedah berbentuk survey yang melibatkan penggunaan satu set soalselidik, kaedah temubual mendalam dan juga kaedah pemerhatian.

Bagi kaedah survey, beberapa orang pelajar yang telah dipilih diminta untuk mengisi borang soal selidik. Responden akan diterangkan secara formal berkenaan etika dan kerahsiaan maklumat-maklumat yang akan mereka berikan. Responden seterusnya akan diminta untuk menjawab satu set soalselidik yang mengandungi lima bahagian; maklumat demografi responden, *esteem* kendiri atau berupaya memberi pendapat bernalas, keupayaan dan kemahiran dalam berdaya-tindak, perkembangan nilai dan akhlak serta pengaruh faktor lain.

Bagi kaedah temubual mendalam, tiga set temubual dibina. Satu set temubual bagi ibubapa, satu set yang lain untuk guru-guru Pendidikan Islam, kaunselor serta guru disiplin manakala satu set

temubual yang lain untuk pelajar-pelajar di beberapa sekolah yang telah dipilih.

Selain kaedah survey dan temubual mendalam, kajian ini juga mengaplikasikan kaedah pemerhatian. Satu set borang laporan pemerhatian dibina bagi mencatat jenis majalah dan surat khabar yang dijual di kedai-kedai berhampiran. Pemerhatian ini bertujuan untuk meninjau apakah faktor-faktor lain yang mempengaruhi sosio-psikologi para remaja di kawasan tersebut.

#### **6.4. Instrumen Kajian**

Bagi kaedah survey, kajian ini akan menggunakan satu set borang soal selidik yang dibentuk merangkumi lima bahagian utama; maklumat demografi responden, esteem kendiri, keupayaan dan kemahiran dalam berdaya-tindak, perkembangan nilai dan akhlak serta pengaruh faktor lain.

Bahagian demografi responden mengandungi latar belakang sosio-ekonomi responden, keputusan mata pelajaran Pendidikan Islam di peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR), tahap penguasaan Al-Quran, solat lima waktu sehari semalam dan kekerapan solat berjemaah di Masjid. Selain itu, responden juga turut ditanya adakah mereka mempunyai talian internet, saluran Astro serta alat pemain VCD/DVD di rumah.

Bahagian yang kedua pula mengandungi skala berkaitan *esteem* kendiri. Skala *Esteem* Kendiri yang diperkenalkan oleh Rosernberg (1965) ini adalah skala Likert dengan 10 item yang mengukur sejaughmana tahap *esteem* kendiri individu.

Bahagian ketiga adalah mengukur keupayaan dan kemahiran individu dalam berhadapan dengan cabaran hidup mereka. Individu yang mempunyai tahap ketinggian resilient ini adalah mereka yang mempunyai set andaian atau sikap tentang diri mereka sendiri yang mana ia boleh mempengaruhi corak pemikiran seseorang (Robert,

sam.2003). Sebagai contoh, seandainya remaja tersebut mempunyai anggapan bahawa dirinya tidak mampu menghadapi masalah dengan cara terbuka, ia boleh menyebabkan tahap resilient rendah dan hasilnya dia gagal dalam menyelesaikan masalah.

Bahagian keempat pula adalah bahagian yang mengukur perkembangan nilai dan akhlak. Bahagian ini mengandungi 30 perkara yang cuba melihat sejauhmana individu jelas dengan matlamat hidupnya, tanggungjawab, pegangan nilai serta kualiti akhlak yang dibawa dalam kehidupan seharian.

Bahagian kelima adalah bahagian yang mengukur faktor-faktor lain yang mempengaruhi minat dan persepsi pelajar terhadap matapelajaran Pendidikan Islam di sekolah. Bahagian terakhir dengan 13 perkara ini cuba melihat sejauhmana pelajar merasakan Pendidikan Islam sebagai suatu mata pelajaran penting selain sejauhmana melihat penggunaan bahan-bahan bantuan mengajar memberi kesan terhadap persepsi dan minat pelajar. Bahagian ini juga ingin melihat sejauhmana subjek Pendidikan Islam ini berjaya membantu pelajar mengawal kelakuan serta akhlak yang dibawanya dalam kehidupan seharian.

## **7. DAPATAN KAJIAN PRELIMINARI**

Kajian ini bertujuan meninjau kesan pengaruh persekitaran sosial terhadap perkembangan psikososial dan akhlak pelajar di FELDA. Kajian preliminari ini dijalankan pada bulan Ogos 2010 melibatkan sampel seramai 51 orang pelajar di beberapa buah sekolah menengah (tingkatan empat) di sekitar Kuantan, Pahang. Sekolah yang terlibat ialah SMK Baging (7 orang) SMK Pelabuhan (21 orang) dan SMK Baserah (23 orang). Dari segi aliran akademik kebanyakan pelajar adalah dari aliran sains tulen dan sastera dan sebahagian kecil pelajar akaun. Seramai 35 pelajar lelaki dan 16 pelajar perempuan.

Dari segi tahap sosioekonomi keluarga majoriti 43% bapa mereka berpendapatan RM1000 dan ke bawah, 30% berpendapatan antara RM1000 - RM1500 sebulan dan selebihnya 27% adalah berpendapatan melebihi RM1500 ke atas. Manakala kebanyakan kaum ibu adalah surirumah dan bekerja sendiri.

Dalam kajian ini beberapa pembolehubah berkaitan asas pengetahuan Islam cuba dikaitkan dengan pembolehubah demografi. Misalnya aspek pengetahuan dan penguasaan tentang agama Islam diukur berdasarkan keputusan pendidikan Islam semasa PMR dan Penguasaan al-Quran. Didapati 92% responden menunjukkan keputusan yang baik dalam matapelajaran Pendidikan Islam di peringkat PMR (sila lihat Jadual 1), sementara tahap penguasaan dan bacaan Al-Quran menunjukkan bahawa hanya 26% yang telah khatam Quran selebihnya masih belum khatam dan telah berhenti mengaji Quran (sila lihat Jadual 2)

**Jadual 1:Keputusan Pendidikan Islam Dalam PMR**

	Kekerapan	Peratus
Valid GRED A	22	43.1
GRED B	25	49.0
GRED C	4	7.8
Total	51	100.0

**Jadual 2: Tahap Penguasaan Al-Quran**

		Kekerapan	Peratus
Valid	Telah Khatam Al-Quran	26	51.0
	Belum Khatam & Masih Mengaji Al-Quran	17	33.3
	Belum Khatam Dan Berhenti Mengaji Al-Quran	6	11.8
	Total	49	96.1
	99.00		
Tidak Menjawab Soalan		2	3.9

Dari segi solat lima waktu menunjukkan bahawa secara majoriti (84%) responden mengakui bahawa mereka tidak menunaikan solat lima

waktu yang cukup, mereka juga sangat jarang pergi ke masjid malah seorang responden mengakui beliau tidak pernah ke masjid atau surau.

**Jadual 3: Sembahyang Lima Waktu Sehari Semalam**

		Kekerapan	Peratus
Valid	Sentiasa	16	31.4
	Agak Kerap	17	33.3
	Kadang-Kadang	13	25.5
	Jarang-Jarang	4	7.8
	Total	<b>50</b>	<b>98.0</b>
		99.00	
Tidak Menjawab		1	2.0
Soalan			
	Total	51	100.0

Dari segi kemudahan hiburan di rumah menunjukkan, kebanyakan responden mengakui rumah mereka mempunyai internet dan astro, iaitu sebanyak 23% mengakui mempunyai internet di rumah dan 17% mempunyai astro serta 36% responden mempunyai permainan vcd atau dvd. (sila lihat jadual 4, 5, dan 6)

**Jadual 4: Adakah Anda Mempunyai Saluran Astro Di Rumah**

		Kekerapan	Peratus
Valid	Ya	17	33.3
	Tidak	34	66.7
	Total	51	100.0

**Jadual 5: Adakah Anda Mempunyai Internet Di Rumah**

		Kekerapan	Peratus
Valid	Ya	23	45.1
	Tidak	28	54.9
	Total	51	100.0

**Jadual 6: Adakah Anda Mempunyai Pemain Vcd/Dvd Di Rumah**

		Kekerapan	Peratus
Valid	Ya	36	70.6
	Tidak	15	29.4
Total		51	100.0

### **7.1. Kebolehpercayaan Alat Ukuran**

Bagi mengukur tahap kebolehpercayaan alat ujian ini *split half reliabiliti* telah digunakan. Alat ukuran konsep kendiri mempunyai nilai reliabiliti alpha=0.43. *Coping* strategi mempunyai nilai=0.69. Walaubagaimanapun alat ukuran perkembangan nilai dan akhlak alpha=0.18, dan nilai kebolehpercayaan bagi pengaruh sosio-psikologi lain ialah alpha=0.26.

Bahagian sosio-psikologi pelajar diukur menggunakan empat konstruk iaitu konsep kendiri, daya-tindak menghadapi permasalahan hidup, nilai dan akhlak Islam serta pengaruh faktor lain terhadap sikap pelajar. Bagi skor pandangan terhadap diri sendiri skor adalah antara 15 hingga 28, menunjukkan bahawa kebanyakan mendapat skor tinggi iaitu melebihi paras purata=21.75, ini memberi maksud kebanyakan mereka mempunyai pandangan dan harga diri yang tinggi. Bagi strategi daya tindak pula mempunyai skor dari 85 hingga 132 (paling tinggi) sebagai menunjukkan kebanyakan responden mempunyai skor yang agak tinggi iaitu mempunyai strategi daya tindak yang baik (iaitu melebihi skor purata= 115.65). Dari segi tahap perkembangan akhlak kebanyakan mempunyai nilai dan akhlak yang positif iaitu skor antara 89 hingga 168 paling tinggi (melebihi skor purata=107) dan pengaruh faktor lain menunjukkan secara umumnya bahawa kebanyakan responden agak mudah terpengaruh dengan faktor lain= 47.

**Jadual 7: Konstruk Utama Kajian**

		Pandangan terhadap diri sendiri	Strategi daya tindak	Tahap perkembangan nilai dan akhlak	Pengaruh faktor lain
N	Valid	48	37	46	43
	Missing	3	14	5	8
Mean		21.75	115.65	107.17	46.86
Median		22.00	115.00	107.00	46.00
Mode		20	123	108	45
Std. Deviation		2.957	10.937	14.012	3.962
Variance		8.745	119.623	196.325	15.694
Minimum		15	85	83	37
Maximum		28	132	168	57
Sum		1044	4279	4930	2015

Disamping data di atas terdapat beberapa item yang jelas memperlihatkan bahawa wujud pengaruh negatif dalam kalangan pelajar. Misalnya mereka merasakan belajar di sekolah sangat membosankan, tidak yakin dengan agama Islam yang dianuti. Mereka juga mempersepsikan bahawa pergaulan bebas tidak sepatutnya disekat dan ‘dating’ adalah perkara biasa bagi remaja masa kini. (sila rujuk jadual 8,9,10 dan 11)

**Jadual 8: Belajar Di Sekolah Amat Membosankan**

		Kekerapan	Peratus
Valid	Sangat tidak setuju	2	3.9
	Tidak setuju	5	9.8
	Tidak pasti	18	35.3
	Setuju	4	7.8
	Sangat setuju	18	35.3
	Total	47	<b>92.2</b>
	99.00		
Missing		4	7.8
	Total	51	100.0

**Jadual 9 : Tidak Yakin Dengan Amalan Agama Islam**

		Kekerapan	Peratus
Valid	Tidak pasti	2	3.9
	Setuju	7	13.7
	Sangat setuju	38	74.5
	Total	47	<b>92.2</b>
	99.00		
	Missing	4	7.8
Total		51	100.0

**Jadual 10: Pergaulan Bebas Tidak Boleh Disekat**

		Kekerapan	Peratus
Valid	Sangat tidak setuju	3	5.9
	Tidak setuju	3	5.9
	Tidak pasti	6	11.8
	Setuju	3	5.9
	Sangat setuju	32	62.7
	Total	47	<b>92.2</b>
99.00			
Missing		4	7.8
Total		51	100.0

Dari segi pengaruh media kebanyakan responden bersetuju dengan kenyataan bahawa cara berpakaian selebriti mempengaruhi gaya berpakaian mereka dan disamping itu mereka juga berpendapat banyak pengetahuan seks diperolehi daripada media seperti melalui vcd lucah dan berpendapat seks sebelum kahwin adalah biasa. (sila lihat jadual 12, 13, 14 dan 15).

**Jadual 11: *Dating* Adalah Perkara Biasa Bagi Remaja Kini**

		Kekerapan	Peratus
Valid	Sangat tidak setuju	5	9.8
	Tidak setuju	11	21.6
	Tidak pasti	10	19.6
	Setuju	8	15.7
	Sangat setuju	13	25.5
	Total	47	<b>92.2</b>
	99.00		
Missing		4	7.8
	Total	51	100.0

**Jadual 12: Pakaian Selebriti Mempengaruhi Saya Berpakaian**

Valid		Kekerapan
	Sangat Tidak Setuju	2
	Tidak Setuju	8
	Tidak Pasti	12
	Setuju	7
	Sangat Setuju	18
	Total	47
Missing		4
	Total	51

**Jadual 13: Media Massa Banyak Memberi Pengetahuan Seks**

		Kekerapan	Peratus
Valid	Sangat tidak setuju	3	5.9
	Tidak setuju	6	11.8
	Tidak pasti	16	31.4
	Setuju	8	15.7
	Sangat setuju	14	27.5
	Total	47	<b>92.2</b>
	99.00		
Missing		4	7.8
	Total	51	100.0

**Jadual 14: Saya Suka Menonton Vcd Lucah**

		Kekerapan	Peratus
Valid	Sangat tidak setuju	1	2.0
	Tidak pasti	5	9.8
	Setuju	4	7.8
	Sangat setuju	37	72.5
	Total	47	<b>92.2</b>
	99.00		
Missing		4	7.8
Total		51	100.0

**Jadual 15: Seks Luar Nikah Adalah Perkara Biasa**

		Kekerapan	Peratus
Valid	Sangat tidak setuju	2	3.9
	Tidak setuju	2	3.9
	Tidak pasti	3	5.9
	Setuju	4	7.8
	Sangat setuju	35	68.6
	Total	46	<b>90.2</b>
Missing	99.00	5	9.8
Total		51	100.0

Menurut jadual 16, majoriti responden 13 orang (25.5%) bersetuju bahawa media massa banyak memupuk akhlak remaja Melayu.

**Jadual 16: Media Masa Banyak Memupuk Akhlak**

		Kekerapan	Peratus
Valid	Sangat tidak setuju	1	2.0
	Tidak pasti	5	9.8
	Setuju	4	7.8
	Sangat setuju	37	72.5
	Total	47	<b>92.2</b>
	99.00		
Missing		4	7.8
Total		51	100.0

Berdasarkan jadual 17, agama Islam tidak sepatutnya diajar di sekolah, majoriti responden seramai 39 orang (76.5%) menyatakan bahawa mereka sangat tidak setuju.

**Jadual 17: Agama Islam Tidak Sepatutnya Diajar Di Sekolah**

		Kekerapan	Peratus
Valid	Sangat tidak setuju	39	76.5
	Tidak pasti	2	3.9
	Setuju	3	5.9
	Sangat setuju	3	5.9
	Total	<b>47</b>	<b>92.2</b>
	99.00		
Missing		4	7.8
Total		51	100.0

**Jadual 18 : Filem dan Rancangan TV Bertentangan Dengan Ajaran Islam**

		Kekerapan	Peratus
Valid	Sangat Tidak Setuju	1	2.0
	Tidak Setuju	3	5.9
	Tidak Pasti	9	17.6
	Setuju	10	19.6
	Sangat Setuju	22	43.1
	Total	45	88.2
99.00			
Missing		6	11.8
Total		51	100.0

Berdasarkan jadual 18, majoriti responden seramai 22 orang (43.1%) sangat setuju mereka sangat kecewa kerana filem dan rancangan TV bertentangan dengan apa yang diajarkan oleh Islam.

Pada jadual 19, majoriti responden iaitu seramai 16 orang (31.4%) tidak pasti bahawa bahan pengajaran Islam lebih menarik berbanding majalah hiburan.

**Jadual 19: Bahan Pengajaran Islam Lebih Menarik****Bebanding Majalah Hiburan**

		Kekerapan	Peratus
Valid	TIDAK SETUJU	3	5.9
	TIDAK PASTI	16	31.4
	SETUJU	13	25.5
	SANGAT SETUJU	15	29.4
	Total	47	92.2
	99.00		
Missing		4	7.8
Total		51	100.0

**8. RUMUSAN KAJIAN**

Kajian ini menunjukkan daripada aspek hormat dan harga diri agak tinggi, begitu juga dengan *coping* strategi atau aspek keupayaan menangani permasalahan hidup agak tinggi. Bagaimanapun aspek akhlak dan pengaruh media massa menunjukkan keadaan yang bertentangan dengan aspek psikologi. Berdasarkan dapatan kajian awal ini masih terlalu awal untuk membuat sebarang kesimpulan, walaubagaimanapun trend ada menunjukkan bahawa remaja hari ini banyak terpengaruh dengan unsur luar, walaupun konsep diri dan caragaya menghadapi stress dalam hidup adalah tinggi namun cara mereka berhadapan dengan permasalahan hidup tersebut agak bertentangan dengan kehendak Islam. Kajian sebenar nanti akan mencungkil isu ini dengan lebih mendalam.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri (2000). "A study of students' knowledge of akhlaq of the Malaysian Secondary Education". Tesis PhD, Universiti of Birmingham.
- Abd. Majid Mohd Isa & Rahil Mahyuddin. (1997). *Psikologi Pendidikan 1 : Pertumbuhan dan Perkembangan..* Petaling Jaya : Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Babbie, Earl. (1986).*The practice of social research.* California: Wadsworth Publishing.
- Bommel, Abdul Wahid (1998). "Media ethics of Muslims in the age of cross cultural communication". *Muslim Education Quarterly*, **Vol. 15. No. 4**, ms.61-75.
- Burns, Roberts B. (2000). *Introduction to research methods.* London: Sage Publication.
- Eggen, P. and Kauchak, D.(1997). *Educational Psychology.* New Jersey: Prentice Hall.
- Francis, L.J. (1997)."The socio-psychological profile of the teenage television addict". *Muslim Education Quarterly*, **Vol. 15, No. 1**, ms.6-19.
- Mitchell, Jolyon. (1998). "Rediscovering the value of radio in a mass media culture". *Muslim Education Quarterly*. **Vol. 16, No. 1**, ms. 51-64.
- Larking, Lewis. (1997). "Televisyen, popular culture and humiliation of written word". *Muslim Education Quarterly*, **Vol. 15, No. 1**, ms. 38-44.
- Mughess-uddin, (1997). "An Islamic Framework of Media Ethics: Problems and Challenges". *Hamdard Islamicus***Vol. XX, No. 4**, ms. 57-67
- Syed Ali Ashraf, (1997). "Mass Media Communications, Religion and Education". *Muslim Education Quarterly*, **Vol. 15, No. 1**, ms.1-3.

Woolfolk, A.E. (1998). *Educational psychology*. Boston: Allyn and Bacon Peter Emerson

EzineArticles.com Expert Author Joined April 8, 2005

Adolescent Psychology

[http://ezinearticles.com/?expert=Peter\\_Emerson](http://ezinearticles.com/?expert=Peter_Emerson)

Laman web rasmi WHO :

<http://www.who.int/reproductivehealth/topics/adolescence/en/>

Boon Pong Ying & Raghbir Kaur.(1998).*Psikologi I (semester 1)*.. Shah

Alam : Fajar Bakti Sdn.Bhd

*Mass Media and Its Influence on the Adolescent Mind:A study of student perceptions of body image and magazine advertisements*

Benjie Achtenberg Macalester College 2006

*Adolescents and the Internet*by Nathalie LougeOctober 2006



Lenhart, A., Madden, M., & Hitlin, P. (2005, July 27). Teens and technology: You are leading the transition to a fully wired and mobile nation. Retrieved October 12, 2005, from

[www.pewInternet.org/pdfs/PIP\\_Teens\\_Tech\\_July2005web.pdf](http://www.pewInternet.org/pdfs/PIP_Teens_Tech_July2005web.pdf)

Blake Te Neil Lloyd, "Media influence on identity formation and social competence: Does music video impact adolescent development?" (January 1, 2000). *Dissertations available from ProQuest*. Paper AAI9965521.

<http://repository.upenn.edu/dissertations/AI9965521>

Common Sense Media [www.commonsense.com/](http://www.commonsense.com/)